

16 OCT 2002

Syed Hamid-Singapura/I

SYED HAMID: M'SIA BERSEDIA BINCANG ISU SECARA BERASINGAN

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Malaysia bersedia untuk membincangkan isu air dan isu-isu lain dalam pakej isu dua hala dengan Singapura secara berasingan seperti kehendak republik itu, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

"Kita tiada masalah. Sekarang mereka telah bersetuju untuk membincangkannya secara berasingan. Kita akan bincangnya secara berasingan. Tiada masalah," katanya kepada pemberita semasa ditemui di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Subang di sini sebelum berlepas ke India.

Beliau mengikuti delegasi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melawat India, Pakistan dan Arab Saudi dari hari ini hingga 20 Okt.

Syed Hamid mengulas laporan berita semalam bahawa Singapura telah bersetuju untuk membincangkan isu air dan isu-isu lain dalam pakej isu dua hala dengan Malaysia secara berasingan.

Beliau berkata langkah yang diambil oleh Singapura untuk mengusulkan cadangan bagi membincangkan isu dua hala itu secara berasingan bukannya satu kejutan kerana pendekatan pakej menimbulkan masalah.

Syed Hamid berkata Malaysia bersetuju dengan cadangan itu kerana matlamat utamanya ialah untuk menyelesaikan isu-isu dua hala yang tertangguh.

Bagi Malaysia, isu paling penting ialah air kerana tempoh perjanjiannya akan tamat, katanya.

Malaysia dan Singapura sedang berunding bagi harga baru air tetapi Singapura mempertikaikan langkah Malaysia untuk menyemak semula harga air itu kerana Malaysia telah tidak berbuat demikian apabila semakan semula sepatutnya dilakukan beberapa lama dahulu.

Pegawai-pegawai kanan dari kedua-dua negara sedang bermesyuarat di Johor Baharu selama dua hari bermula hari ini untuk menyelesaikan isu air.

Malaysia dan Singapura telah menandatangani dua perjanjian air pada 1961 dan 1962. Mengikut Perjanjian 1961, Singapura akan dibekalkan 88 juta gelen air sehari (MGD) dari kawasan tadahan air Pulai dan Sungai Tebrau dan Sungai Skudai di Johor sehingga 31 Ogos 2011.

Perjanjian 1962, Singapura akan dibekalkan 50 MGD lagi air dari Sungai Johor sehingga 28 Sept, 2061. Kedua-dua perjanjian itu menyediakan peruntukan bagi semakan semula harga air selepas 25 tahun, iaitu masing-masing pada 1986 dan 1987.

Malaysia kini menjual air mentah kepada Singapura pada kadar tiga sen setiap 1,000 gelen dan membeli semula air yang telah dirawat dari republik itu pada harga 50 sen bagi setiap 1,000 gelen.

-- BERNAMA

LES AHH RHM